

D664

U B723 AAB  
MAHATHIR - BERJASA

KUALA LUMPUR, 2 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA KEPUTUSAN BERJASA UNTUK KELUAR DARIPADA BARISAN NASIONAL (BN) TIDAK AKAN MENJEJASKAN KEKUATAN BN KERANA IA HANYA MERUPAKAN SEBUAH PARTI KECIL.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BN, BERKATA TINDAKAN ITU TIDAK AKAN MENGGUGAT BN MEMANDANGKAN PARTI ITU TIDAK MEMPUNYAI BILANGAN ANGGOTA YANG RAMAI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SEBAGAI MENGULAS KEPUTUSAN BERJASA UNTUK MENINGGALKAN BN, SEMASA MELAWAT IBU PEJABAT UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD, SEMPENA ULANG TAHUN KE-50 SYARIKAT AKHBAR ITU.

BERJASA MENGUMUMKAN KEPUTUSANNYA KELUAR DARIPADA BN PADA 28 MEI LEPAS UNTUK BERPADU TENAGA DENGAN PAS DAN KUMPULAN YANG MENGELARKAN DIRI MEREKA +SEMANGAT 46+ SEBAGAI PERSEDIAAN MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

KETIKA DITANYA BILAKAH KEKOSONGAN JAWATAN MENTERI KESIHATAN EKORAN KEMATIAN TAN SRI CHAN SIANG SUN AKAN DIPENUHI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA AKAN DILAKUKAN KEMUDIAN. -- BERNAMA  
1518MST 02 06 89